

Norma Dan Adat Kelahiran Masyarakat Kedayan Di Sipitang, Sabah *Birth Custom and Norms of Kedayan Community In Sipitang, Sabah*

Samrah Ag. Damit, Ros Aiza Mohd Mokhtar¹ & Abd Hakim Mohad²

ABSTRAK

Suku kaum Kedayan adalah masyarakat peribumi Sabah yang tinggal di daerah Sipitang, Sabah. Masyarakat ini kaya dengan amalan dan adat tradisi yang diwarisi turun temurun dari nenek moyang mereka. Antara adat yang menarik untuk dikongsikan ialah tentang adat kelahiran yang mereka amalkan. Menurut kepercayaan masyarakat ini, adat tradisi, petua dan pantang larang mempunyai makna dan tujuan yang baik. Justeru, amalan adat mesti dipatuhi bagi mengelakkan sebarang musibah atau perkara yang tidak diinginkan kepada si ibu atau si anak. Adat kelahiran yang menjadi amalan masyarakat Kedayan mempunyai tiga peringkat iaitu adat semasa mengandung, selepas melahirkan anak, dan sewaktu berpantang hingga hari yang ke-44. Makalah ini membincangkan tentang adat kelahiran masyarakat ini yang merangkumi upacara "pamulaan", pantang larang suami isteri, upacara memotong tali pusat, memandikan tembuni, upacara menggantung tembuni, menimbang bayi yang lahir pada bulan Safar dan adat berpantang selama 44 hari. Metod kajian adalah bersifat kualitatif yang dilakukan di beberapa kampung di Sipitang, menerusi temu bual mendalam informan penting yang terdiri daripada bidan kampung yang berpengalaman dan orang tua Kedayan yang mahir tentang adat masyarakatnya. Pendokumentasian ini penting agar norma dan adat tradisional masyarakat ini tidak hilang ditelan zaman.

Kata kunci: *Kedayan, norma, kelahiran, adat, pantang, Sabah*

ABSTRACT

The Kedayan tribe is one of the largest populations inhabited in Sipitang, Sabah. They are living in a traditional way inherited from their ancestor for generations. One of the customs that is good to be shared is about their birth costumes. According to this community, all the norms and adat which had been practiced since long time ago were significant in their daily life. They believed that it will bring a good things in their life especially while dealing with the supernatural being around them. According to them, by practicing all the births norms and adat, will prevent them from any type of misfortune to the mother or the child in the womb. Among the adat of the Kedayan community are include the customs and adat during pregnancy, after childbirth, and during the abstinence period of 44 days. This paper will discuss the ceremony of "pamulaan", abstinence of husband and wife, the ceremony of umbilical cord cutting, bathing the Tembuni, hanging the Tembuni ceremony, weighing the baby that born in the month of Safar, and 44-day abstinence. This paper is base on the qualitative research that has been done at Sipitang. All the informations were collected from indepth interview with the key informants. Among them are leaders of the community and experienced Kedayan traditional midwife. This documentations is very important in order to preserve the information on Kedayan's customs.

Keywords: *Kedayan, norms, births, customs, abstinence, Sabah.*

¹ Ros Aiza Mohd Mokhtar, PhD, Universiti Sains Islam Malaysia, rosaiza@usim.edu.my

² Abd Hakim Mohad, PhD, Universiti Sains Islam Malaysia, abdhakim@usim.edu.my

Pendahuluan

Kehidupan bermasyarakat lazimnya diatur oleh adat dan norma yang menjadi pegangan masyarakat tersebut. Menurut Kamus Dewan Edisi ke-empat, norma membawa maksud peraturan atau ketentuan yang telah menjadi kebiasaan yang dijangka akan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat. Dengan demikian, norma yang wujud dalam sesebuah masyarakat akan dijadikan panduan dalam menelusuri kehidupan dan menjalankan urusan seharian. Norma yang diamalkan diyakini akan menjadikan kehidupan masyarakatnya lebih harmoni. Hal ini kerana norma tersebut berlandaskan kepada adat istiadat dan pantang larang yang setiap satunya membawa maksud dan tujuan untuk keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan.

Adat merupakan peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun (sejak dahulukala) oleh sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi) (Kamus Dewan Edisi keempat). Manakala, menurut Kamus Istilah Fiqih, adat membawa maksud himpunan kaedah sosial dalam masyarakat luas, tidak termasuk hukum syara' (agama). Kaedah-kaedah tersebut ditaati oleh seluruh lapisan masyarakat, seolah kehendak atau peraturan warisan nenek moyang mereka, atau pun seolah suatu keharusan yang bersumber dari Tuhan.

Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, pula menjelaskan pengertian adat sebagai peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun dalam sesuatu masyarakat sehingga merupakan hukum yang harus dipatuhi. Perkataan 'adat' berasal daripada bahasa Arab bermaksud 'kebiasaan zaman pra-Islam yang diterima oleh Islam'.

Adat merupakan suatu bentuk tingkahlaku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan sebegitu lama sehingga dianggap sebagai satu tradisi. Hal ini termasuklah cara hidup sehari-hari dan pola-pola budaya yang jelas dilihat melalui kekerapan amalannya (Norazit Selat, 1989). Berdasarkan definisi tersebut, maka bolehlah difahami bahawa adat merupakan satu warisan turun-temurun sesuatu kaum, yang mana pengamalannya mencakupi semua aspek kehidupan sesebuah masyarakat .

Begitulah halnya dengan masyarakat Kedayan di daerah Sipitang yang mempunyai normanya sendiri yang merangkumi adat istiadat yang diwarisi dari nenek moyang mereka.

Adat dan norma yang diamalkan sejak turun temurun menjadikan kehidupan masyarakat ini lebih beradab dan bertatasusila. Justeru adat istiadat ini dilihat telah membentuk satu cara hidup bermasyarakat yang lebih teratur dan berbudaya.

Menurut kepercayaan masyarakat Kedayan di sipitang, adat istiadat yang menjadi permulaan kepada proses kelahiran ini merupakan asas kepada pembentukan sifat dan perwatakan si anak yang bakal dilahirkan ke dunia ini. Oleh yang demikian masyarakat ini percaya bahawa, amalan adat ini perlu diteruskan. Tujuannya adalah bagi mengelakkan sebarang kemudaratan terhadap si ibu semasa mengandung, sewaktu melahirkan anak serta selepas bersalin. Disamping itu adat yang diamalkan juga dipercayai menjadikan anak yang dilahirkan itu sempurna fizikal dan mentalnya.

Latar belakang Masyarakat Kedayan

Kedayan yang juga disebut sebagai “Kadayan” telah didefinisikan dalam *Kamus Dewan*, sebagai ‘pengiring’ atau ‘hamba’. Hal ini dikaitkan dengan kehidupan masyarakat berkenaan sebagai pengiring raja pada zaman feodal (Ros Aiza Mohd Mokhtar *et al*, 2018). Menurut Sablee Bagol (2007), etnik Kedayan berasal dari Jawa. Mereka telah dibawa oleh Sultan Bolkiah (Sultan Brunei Kelima) ke Brunei Darussalam. Beliau turut menyatakan bahawa, sejarah awal kedatangan Kedayan ke Brunei dikaitkan dengan peristiwa kekalahan Putera Jawa dalam pertandingan sabung ayam antara Putera Jawa dengan Sultan Brunei. Sebagai imbuhan kepada kemenangan Sultan Brunei dalam pertandingan tersebut, putera Jawa telah menghadiahkan sebilangan orang untuk dibawa pulang ke Brunei yang kemudiannya disebut sebagai ‘Kedayan.’ Justeru itu bagi beliau, perkataan “Kedayan” pada mulanya merujuk pekerjaan sebagai pengiring raja. Lama-kelamaan terbentuklah masyarakat Kedayan (Ros Aiza Mohd Mokhtar & Abd Hakim Mohad, 2017).

Menurut kajian P.M. Sharifuddin dalam *The Brunei Museum Journal* 1969, kawasan yang paling padat didiami oleh masyarakat Kedayan adalah kawasan di sebelah pantai barat laut Borneo yang meliputi kawasan Lawas, Brunei, Tutong, Temburong, Belait, Limbang, Sipitang, Labuan, Miri, Sibuti dan Niah.

Haji Shawal Rajab, “Budaya Tradisi yang hampir pupus: satu Analisa Sosial masyarakat Kedayan Daripada Sudut Kebudayaan dan Ekonomi Pertanian”, menyatakan

masyarakat kedayan adalah golongan majoriti yang turut menduduki sebahagian besar tanah warisan Melayu yang terdapat di kepulauan melayu termasuk Sumatera, Jawa, dan Kalimantan. Menurut beliau, Kedayan mendapat namanya daripada sejarah Nakhoda ragam (Sultan Brunei ke-V) yang membawa sekumpulan petani dari Kepulauan Jawa ke satu tempat di Brunei yang kini dikenali sebagai Jerudong. Tindakan baginda membawa petani ini adalah kerana baginda sangat tertarik dengan kemakmuran hasil bumi Jawa yang kaya dengan tanaman padi dan buah-buahan yang dihasilkan para petani. Oleh yang demikian baginda kemudiannya membawa sekumpulan petani tersebut untuk menunjuk ajar orang Brunei kaedah bercucuk tanam. Kumpulan petani itu kemudiannya memulakan penanaman padi dan membuat perkampungan sekitar jelapang padi dan kemudiannya penduduk kampung tersebut dipanggil “Kedayan”.

Rajab mengukuhkan hujahnya dengan menyatakan bahawa, walaupun peristiwa tersebut sudah berlalu selama lima kurun yang lampau, namun sehingga sekarang sebahagian besar kawasan Jerudong dihuni oleh masyarakat Kedayan yang kebanyakannya mengusahakan sawah padi; menanam buah-buahan, sayur-sayuran, serta menternak ayam, lembu dan kambing sebagai sumber pendapatan mereka.

Zuraidah Nayan dan tulisannya yang bertajuk “Kehidupan Puak Kedayan” menggambarkan puak Kedayan pada zaman dahulu sebagai suka berpakaian hitam terutama pada kain sarung. Gemar bertapih tingkai atau tinggi sebelah. Baju mereka pendek dan berlengan panjang seperti baju kebaya. Baju dimasukkan dalam tapihan kain. Rambut mereka dibiarkan panjang terurai disanggul bulat atau disanggul lintang. Mereka suka memakan pinang, merokok dengan kirai daun. Apabila menghadiri majlis keramaian, perempuan Kedayan suka berkubamban, iaitu sejenis giring-giring bulat seperti guli putih yang diperbuat daripada perak atau emas Brunei.

Mohamad Suhaidi Salleh (1995) pula di dalam latihan ilmiah yang bertajuk, *Ritual Makan Tahun di Kalangan Komuniti Kedayan: Satu Tinjauan Fungsi dan Kesan*. Beliau mendapati ritual *Makan Tahun* yang diamalkan oleh komuniti Kedayan Sarawak khususnya, mempunyai fungsi dan kesan ke atas masyarakat tersebut sebagai alat penghubung antara dua alam iaitu alam nyata dan alam roh. Kedua-dua alam ini dihubungkan oleh tahlil dan doa yang dilakukan ketika ritual *Makan Tahun* berlangsung. Ritual ini juga berjaya mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan masyarakat Kedayan itu sendiri.

Saiful Japar (2009), dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk, *Perubahan Dalam Tradisi Kekeluargaan Komuniti Kedayan: “Kajian Etnografi di Kampung Sungai Miri, WP Labuan”*. Kajian beliau menunjukkan telah berlaku perubahan dalam amalan-amalan masyarakat Kedayan di Kampung Sungai Miri, sesuai dengan kehendak Islam terutamanya berkenaan fungsi tradisi itu diamalkan. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian adat kebiasaan yang masih dikekalkan.

Bantong Antaran dalam artikelnya, “Puak Kedayan Dan Masalah Terminologi”, menyorot asal usul masyarakat Kedayan dari pelbagai cerita seperti legenda dan kepercayaan, sebuah cerita lama dan cerita sungai Kedayan. Bantong Antaran telah membuat kesimpulan bahawa puak Kedayan sekarang, pada asalnya bukanlah puak yang dipanggil orang Kedayan yang berasal dari Jawa. Sebaliknya, mereka adalah dari keturunan Jawa dan dipanggil sebagai orang Kedayan kerana mereka adalah orang Darat.

E. Parnell (1911) adalah antara pengkaji Barat yang terawal membincangkan masyarakat Kedayan dalam tulisan beliau yang bertajuk, *The Names Kadayan, Dayak and Tanjong Datu*. Beliau berpendapat perkataan Kedayan berasal daripada perkataan Melayu Kodi (*score*), dan mendapat akhiran ‘an’ lalu menimbulkan bunyi Kodian.

Di negeri Sabah, daerah Sipitang merupakan penempatan utama masyarakat Kedayan di mana masyarakat ini merupakan penduduk majoriti daerah ini yang kebanyakannya mendiami Kampung Mesapol, Ulu Sipitang, Kalamauh, Pelakat, Kampung Pantai, Bangsal, Banting, Luagan dan Kampung Skim. Penempatan asal mereka ini kebanyakannya berhampiran dengan sungai dan kawasan tanah pertanian, iaitu bersesuaian dengan latar belakang budaya masyarakat ini yang suka bercucuk tanam dan menjadikan sungai sebagai sumber rezeki mereka (Ros Aiza Mohd Mokhtar & Che Zarrina Sa’ari, 2015).


Adat Kelahiran Masyarakat Kedayan

Masyarakat Kedayan masih mengamalkan pelbagai adat yang diwarisi daripada nenek moyang mereka (Ros Aiza Mohd Mokhtar & Che Zarina Sa’ari 2016a, 2016b) termasuklah dalam hal kelahiran. Upacara kelahiran masyarakat Kedayan ini dimulakan dengan upacara “Pamulaan”. Walaupun upacara ini jarang diamalkan oleh masyarakat Kedayan pada ketika

ini, namun dipercayai masih ada yang mengamalkannya. Upacara “pamulaan” dimulakan dengan membuat kayu “pamulaan” (Foto 1). Kayu pamulaan ini dibuat sebaik sahaja mengetahui yang si ibu berkenaan telah mengandung. Kayu pamulaan merupakan gabungan dua batang kayu kecil yang kemudiannya dibentuk tanggam sebagai tempat untuk mencantumkan kayu tersebut sebelum diikat dengan benang. Hasil cantuman kedua-dua batang kayu yang panjangnya lebih kurang lima sentimeter ini akan membentuk seperti “X” setelah kedua-duanya dicantumkan dengan ikatan yang kemas. Salah satu hujung kayu tersebut mestilah dibaji dengan kayu kecil. Kayu ini kemudiannya dipaku pada mana-mana bahagian rumah yang senang dilihat. Hal ini bagi memudahkan si bapa untuk menanggalkannya sewaktu si ibu sedang sakit untuk bersalin.

Menurut Ag Damit, tujuan membuat kayu pamulaan ini adalah sebagai “penyerap” kepada pelanggaran pantang yang dilakukan oleh si suami atau si isteri sepanjang tempoh mengandung. Adat masyarakat Kedayan tidak menentukan jenis kayu yang boleh digunakan untuk membuat kayu pamulaan. Dengan lain perkataan, pamulaan boleh dibuat daripada semua jenis kayu, asalkan kayu berkenaan tidak pecah atau patah ketika proses membuat tanggam dan semasa memakukan ke tiang atau dinding rumah. Kayu pamulaan ini akan terus berada di tempat mula-mula ia dilekatkan dengan paku sehinggalah si ibu mengalami tanda-tanda untuk bersalin.

Foto 1: Langkah-langkah membuat dan memaku kayu pamulaan



(Sumber: Kajian Lapangan)

Apabila si ibu mengalami tanda sakit untuk bersalin, maka kayu pamulaan ini hendaklah dibuka dan dibuang sehingga ianya tidak kelihatan dari pandangan mata. Semasa kayu ini hendak dibuang, seseorang itu haruslah memasang niat bahawa dengan terbukanya

kayu permulaan tersebut maka terhindarlah segala kesan terhadap pelanggaran pantang larang sepanjang tempoh mengandung sama ada yang dilakukan oleh si isteri atau si suami.

Walau bagaimanapun kayu pamulaan ini tidak berkesan untuk menyerap dua pantang larang yang dianggap paling besar oleh masyarakat Kedayan semasa si ibu mengandung, iaitu menghalang aliran air pada saluran air, dan menutup lubang pada tanah atau kayu yang menjadi sarang atau laluan keluar masuk haiwan. Oleh yang demikian kedua-dua perkara ini hendaklah dihindarkan sama sekali.

Sekiranya seseorang itu menghadapi kesukaran untuk melahirkan anak, si suami atau si isteri hendaklah mengingati semula segala perbuatan dan tingkahlakunya sebelum ini yang mungkin telah melanggar pantang seperti menutup laluan air, atau menutup lubang haiwan. Si suami hendaklah membuka halangan pada laluan air atau lubang haiwan tersebut. Jika tidak si isteri akan terus menghadapi kesukaran untuk melahirkan anak (Kahar Bin Lamat, temu bual 2017).

Namun demikian terdapat beberapa kaedah lain yang boleh digunakan untuk memudahkan seorang ibu untuk melahirkan anak. Kaedah tersebut ada yang berbentuk petua, jampi mentera atau gabungan kedua-duanya sekali. Antara kaedah yang boleh digunakan ialah dengan meludah ke tanah sambil berniat dengan penuh keyakinan untuk “membatalkan” segala pantang larang yang telah dilanggar. Perlakuan ini hendaklah dilakukan oleh si suami semasa si isteri sedang sakit untuk melahirkan anak (Kahar, Hj Mansur, Paridin Sitim, dan Ag Damit, temu bual 2017).

Selain itu, terdapat petua yang boleh juga dilakukan sekiranya terdapat pantang larang yang telah dilanggar sehingga menyebabkan si ibu sukar untuk bersalin iaitu dengan merendamkan tumit kaki si suami ke dalam bekas yang berisi air dan kemudainnya diberi minum kepada si isteri. Sebelum merendam tumit, hendaklah berniat “*Aku merendamkan tumit untuk membuang segala pantang larang yang telah dilanggar*”. Tumit si suami hendaklah dicuci bersih sebelum merendamnya (Paridin Sitim, temu bual 2017). Petua lain yang agak mudah, ialah si suami menanggalkan seluar di rumah ketika si isteri sedang sakit untuk bersalin dengan meniatkan bahawa perbuatan menanggalkan seluar itu sama sepetimana juga menanggalkan atau membuang segala perbuatan salah yang dilakukan akibat

pelanggaran pantang larang sepanjang tempoh isteri mengandung (Judah Bt Abas, temu bual 2017).

Masyarakat Kedayan juga percaya bahawa kunyit jampi juga boleh membantu memudahkan seseorang wanita itu bersalin iaitu dengan menggosokkan kunyit yang telah dijampi oleh bidan di atas perut si ibu dengan niat untuk memudahkannya bersalin. Sebelum kunyit dipotong mereka perlu membaca "*Bismillah...Darhumi-darhuni, lit kuli mura, asta tina asta tina, La hau Walla, Walla Kuata Illa Billah...Si Mulih nama mu*". Selepas itu baharulah kunyit dipotong dan dijampi sekali lagi "*Bismillah...pucung masuk pucung kaluaa, Habibullah kan kudarat mu*", sebanyak tiga kali. Kemudian barulah digosokkan ke perut Si ibu. Jika kunyit tersebut mengeluarkan bau yang kuat dan air yang banyak sebaik dipotong, bermakna si ibu tersebut akan segera melahirkan anak dan begitulah sebaliknya (Ag Damit & Mansur, temu bual 2017).

Pantang Larang Dan Petua Semasa Batian (Mengandung)

Masyarakat Kedayan mewarisi pelbagai adat dan pantang larang semasa seseorang ibu sedang mengandung. Antaranya ialah larangan kepada isteri dan juga suami daripada terlibat dengan perbuatan yang berkaitan dengan kematian seperti turut serta dalam upacara pengurusan jenazah, menganiaya atau membunuh binatang. Perbuatan tersebut dibimbangi akan membawa nasib tidak baik kepada si ibu atau anak yang dikandung. Kepercayaan sedemikian mempunyai kaitan dengan pemikiran tradisi masyarakat ini yang percaya bahawa kelakuan kita terhadap sesuatu akan kembali kepada kita sendiri. Oleh sebab itu ibu yang sedang mengandung juga tidak dibenarkan memotong jari ketam kerana dikhuatiri akan menyebabkan jari anak yang bakal dilahirkan akan menjadi cacat. Perbuatan membelah kayu api yang mempunyai bara pula dipercayai akan mengakibatkan bibir bayi yang dikandung menjadi sumbing.

Menurut informan, ibu yang sedang mengandung dilarang sama sekali untuk berpatah balik ke dalam rumah apabila telah menuruni tangga. Jika dia hendak berbuat demikian atas sebab-sebab tertentu seperti hendak mengambil barang atau sesuatu yang tertinggal maka ia mestilah menjejakkan kaki ke tanah terlebih dahulu sebelum naik semula ke dalam rumah. Jika pantang ini dilanggar, kelak ibu berkenaan akan menghadapi kesukaran semasa melahirkan anaknya (Kadir Aisha, temu bual 2017).

Selain itu, ibu mengandung juga tidak dibenarkan melilitkan tuala atau kain di bahagian tengkuk kerana dikhuatiri tali pusat anaknya akan terlilit atau tersimpul semasa proses kelahiran. Si ayah dan si ibu juga ditegah untuk menutup lubang serangga atau binatang seperti lubang semut, dan sebagainya. Masyarakat Kedayan percaya, jika perkara ini dilakukan maka si ibu juga akan menghadapi kesukaran ketika hendak melahirkan anak (Bayah Bt Johan, temu bual 2017).

Adat tradisi masyarakat Kedayan juga melarang si ibu dan si ayah mentertawakan atau mengejek orang yang mengalami kecacatan fizikal. Hal ini kerana perbuatan tersebut boleh menyebabkan anak mereka terkena kenan iaitu anak dalam kandungan mengalami kecacatan yang sama seperti orang yang ditertawakan. Semasa mengandung juga si ibu ditegah untuk mengolok-olok perlakuan manusia atau perlakuan haiwan khususnya yang melibatkan perlakuan monyet kerana mereka percaya perbuatan tersebut juga akan mengakibatkan anak yang dilahirkan akan mempunyai rupa atau gerak laku seperti monyet (Samah Abas, temu bual 2017).

Ibu yang sedang mengandung juga dilarang keras untuk mengambil barang orang tanpa keizinan pemiliknya kerana dikhuatiri anak akan menjadi seorang yang pencuri apabila dewasa kelak. Si ayah atau si ibu juga hendaklah mengelakkan daripada cepat marah semasa mengandung kerana ianya akan turut menyebabkan anak yang dilahirkan akan jadi seorang yang pemarah. Paling penting apabila ibu yang mengandung hendak makan sesuatu ianya hendaklah ditunaikan oleh suaminya. Jika tidak, anak yang dilahirkan kelak akan sentiasa meleleh air liurnya (Jamaliah Bt Matussin, temu bual 2017).

Ibu yang mengandung juga mestilah mempunyai azimat yang diperbuat daripada campuran inggu dan kunyit. Azimat ini mestilah sentiasa dibawa bersama oleh si ibu ke mana sahaja ia pergi bagi mengelakkan gangguan makhluk halus (jin). Proses menyediakan azimat mestilah dilakukan dengan tertib dengan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Al-Ikhlash, masing-masing dilakukan sebanyak tiga kali. Sebagai langkah tambahan untuk “perlindungan badan” limau kapas juga mestilah sentiasa diletakkan di tempat tidur (Jamaliah Bt Matussin, temu bual 2017).

Dari segi pemakanan pula, ibu yang sedang mengandung dilarang untuk makan makanan yang “panas-panas” kerana dikhuatiri akan menyebabkan anak dalam kandungan

gugur. Makanan panas yang dimaksudkan adalah seperti memakan masakan yang bercampur dengan halia. Pantang larang ini harus diikuti sekurang-kurangnya dalam tempoh enam bulan pertama usia kandungan (Taba Omar, temu bual 2017).

Ibu yang sedang mengandung juga dilarang keras untuk baring atau tidur dengan kedudukan kepalanya lebih tinggi daripada suami. Perbuatan ini dipercayai akan menyebabkan si ibu akan menghadapi kesukaran semasa melahirkan anak. Oleh yang demikian si ibu hendaklah sentiasa memastikan kedudukan kepalanya tidak melebihi ketinggian kepala suaminya semasa tidur. Jika hal ini berlaku secara tidak sengaja, maka si ibu hendaklah membetulkan kedudukannya dengan segera sebaik menyedarinya (Jamaliah Bt Matussin, temu bual 2017).

Kesimpulannya, ibu yang sedang mengandung haruslah sentiasa menjaga pergerakan, tutur kata dan tingkahlaku mereka sepanjang tempoh mereka mengandung. Ibu yang sedang mengandung juga mestilah menjalani upacara mandi “salusuh” ketika hampir waktu bersalin dan dilanjutkan dengan mandi “sandaan” pada hari-hari tertentu sepanjang tempoh 44 hari selepas bersalin. Kesemua petua dan pantang larang ini diadakan bagi mengelakkan anak yang dikandung daripada mengalami musibah akibat perbuatan dan tingkahlaku ibunya seperti berlakunya kecacatan, kenan dan susah untuk melahirkan anak. Manakala bagi si ibu pula ianya adalah untuk memastikan si ibu dapat melahirkan anak tanpa menghadapi masalah yang boleh mengancam nyawa.

Upacara Mandi “Salusuh” Bagi Ibu Yang Sedang Mengandung

Masyarakat Kedayan juga mengamalkan upacara mandi selusuh yang khusus bagi seorang ibu yang sedang mengandung. Tujuan mandi ini juga adalah untuk mengelakkan ketegangan urat kerana dipercayai bahawa urat yang singkat akan menyukarkan proses melahirkan anak. Mandi selusuh perlu dilakukan semasa si ibu sudah hampir untuk bersalin. Mandi selusuh hanya boleh dilakukan apabila usia kandungan mencapai lapan bulan. Jika kurang dari itu, dikhuatiri si ibu akan mengalami keguguran.

Sebaik-baiknya mandiselusuh dilakukan sebelum terbit matahari setiap hari. Upacara Mandian ini menggunakan rambut sebagai “salusuh”, iaitu bertujuan untuk memudahkan

proses kelahiran anak semasa bersalin. Upacara mandian dimulakan dengan menitikkan air di atas kepala. Jika si ibu memiliki rambut yang panjang, maka hujung rambut tersebut hendaklah diletakkan di atas perut. Semasa mandi si ibu turut berdoa, *“mudah-mudahan aku mudah untuk melahirkan anak sepertimana lancarnya air yang mengalir melalui rambut ku”* (Jamaliah Bt Matussin, temu bual 2017).

Upacara Menyambut Bayi Baharu Lahir

Masyarakat Kedayan mempunyai kepercayaan dan amalan yang khusus tentang tatacara menyambut kelahiran bayi. Upacara menyambut bayi bermula sebaik kemunculan bayi di pintu rahim ibu. Bagi masyarakat Kedayan, upacara ini sangat penting kerana ia harus dilakukan dengan teliti dan penuh kasih sayang, di samping perlu juga menjaga “maruah” si ibu sepanjang proses kelahiran. Bertitik tolak dari sinilah maka terdapatnya beberapa peraturan dan pantang larang yang perlu dipatuhi oleh “pengulin” (bidan kampung) semasa menyambut kemunculan bayi dari “pintu rahim” si ibu.

Semasa menyambut bayi lahir, bidan dilarang keras menyentuh bahagian bibir kemaluan si ibu. Bidan hendaklah melakukan kerja menyambut kelahiran dengan teliti. Bidan atau pengulin haruslah mendengar dengan teliti “bunyi” yang keluar dari rahim ibu kerana bayi yang baru lahir akan memberi “salam”. Jika sudah terdengar “salam” maka orang yang menyambutnya hendaklah menjawab salam tersebut dengan melafazkan *“Bismillah Hirrahman Nirrohim...ini bumi Allah”*, diikuti dengan Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Hanya pengulin yang berpengalaman luas akan terdengar “salam” ini (Jamaliah Bt Matussin, temu bual 2017).

Sebaik sahaja bayi muncul di pintu rahim, pengulin hendaklah dengan segera memegang tali pusat bayi tersebut. Serentak dengan itu pengulin hendaklah melafazkan kalimah *“Ya Allah...Allah hu Akbar...ya Tuhan..cepatkanlah tembuni keluar..”*. Apabila bayi dan tembuni keluar si ayah mestilah melaungkan azan ke telinga kanan bagi bayi lelaki. Manakala bagi bayi perempuan ianya haruslah dilaungkan dengan iqamat di sebelah telinga (Jamaliah Bt Matussin, temu bual 2017).

Upacara Mengurus Tali Pusat Dan Menggantung Tembuni

Masyarakat Kedayan menganggap tali pusat dan tembuni mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan kelahiran bayi, sehinggakan mereka menganggap bahawa tembuni merupakan “abang atau kakak” kepada bayi yang baharu lahir. Kepercayaan ini disandarkan kepada sifat tembuni tersebut yang sama-sama berada di dalam rahim ibu sepanjang proses kehamilan dan turut “lahir” (keluar) bersama bayi tersebut. Manakala, tali pusat pula turut diyakini sebagai “penjaga” kepada anak yang baharu lahir sehinggalah ianya dewasa. Justeru itu, tembuni dan tali pusat ini haruslah diurus dengan sempurna.

Menurut Ag Damit Jaafar, sebelum tali pusat dipotong ianya hendaklah dilurut menghala ke pusat anak dan kemudiannya diikat dengan benang sebanyak tiga bahagian ikatan sebelum ianya dipotong dengan buluh (sembilu) yang dibentuk menjadi seperti sebilah pisau. Tujuan melurut tali pusat berkenaan adalah untuk memastikan darah yang mengalir di dalam tali pusat tersebut masuk semula ke dalam perut bayi. Sebelum tali pusat tersebut dipotong, hendaklah berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Baki tali pusat yang ditinggalkan melekat pada pusat tersebut tidak boleh diganggu sehinggalah ia tertanggal sendiri. Selepas tali pusat tersebut kering dan tertanggal dari pusat bayi, ianya mestilah diambil dan dibungkus dengan kain hitam dan dimasukkan ke dalam “ketupat” yang dianyam menggunakan daun nipah.

Apabila tali pusat tersebut tanggal, ianya hendaklah dibungkus dengan kain putih atau kain hitam dan dimasukkan ke dalam “ketupat” yang dianyam menggunakan pucuk nipah. Ketupat yang berisi tali pusat tersebut kemudiannya digantung di buaian untuk dijadikan azimat sebagai “penjaga” bayi tersebut. Manakala, apabila seseorang itu merantau ke negeri orang, tali pusat ini hendaklah dibawa bersama sebagai penjaga badan (azimat) kerana selain sebagai penjaga diri, ianya juga dipercayai boleh menimbulkan rasa suka orang lain terhadap dirinya (Jamaliah Bt Matussin, temu bual 2017).

Sementara itu, pengurusan tembuni mempunyai tertibnya yang tersendiri, iaitu bermula dengan upacara “memandikan” tembuni dengan langir (sejenis kulit kayu) bertujuan untuk membersihkan tembuni (uri) tersebut. Setelah selesai tembuni dimandikan dengan langir, upacara seterusnya ialah untuk menggantung tembuni tersebut. Upacara ini biasanya

dilakukan oleh orang-orang tertentu yang dianggap mempunyai kebolehan atau “ilmu” dalam melaksanakan upacara mengantung tembuni.

Menurut Kadir Aisha, sebelum tembuni tersebut digantung, perlu disediakan dahulu bayung atau bahai yang diperbuat daripada upih pinang. Selepas itu baharulah tembuni tersebut dimasukkan ke dalam bayung atau bahai tersebut. Bersama-sama dengan tembuni ini turut disertakan paku, Langir, limau kapas dan kunyit sebagai “peneman” tembuni. Setelah tembuni dimasukkan ke dalam bahai, langkah seterusnya ialah mengantung bahai yang berisi tembuni dengan menggunakan kayu yang menjadi “joran” kepada bahai tersebut.

Pada kebiasaannya tembuni tersebut akan digantung di tebing anak sungai atau kawasan yang berair di dalam hutan. Sebelum proses mengantung tembuni dibuat, orang yang mengantung tembuni tersebut hendaklah memastikan kawasan tempat tembuni digantung bebas daripada gangguan makhluk halus. Oleh yang demikian sebelum upacara pengantungan tembuni, surah Al-Fatihah dan Al-Ikhlas hendaklah dibacakan, masing-masing sebanyak tiga kali. Tertib pengantungan ini haruslah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya kerana masyarakat ini percaya tembuni adalah merupakan “abang atau kakak” kepada bayi tersebut. Malah mereka juga menaruh kepercayaan bahawasanya setiap manusia yang lahir ke dunia ini akan ditemukan semula dengan “abang atau kakak” (tembuni) masing-masing di alam berzakh kelak (Kadir Aisha, temu bual 2017).

Disamping tertib yang mesti diikuti semasa sebelum dan semasa upacara mengantung tembuni, terdapat juga amalan yang harus diikuti oleh orang yang melaksanakan upacara mengantung tembuni, iaitu, semasa meninggalkan tempat mengantung tembuni, ianya hendaklah menebas pokok-pokok kecil atau rumput sepanjang laluan pulang. Menurut kepercayaan masyarakat Kedayan juga, sepanjang perjalanan pulang selepas selesai mengantung tembuni, seseorang itu tidak boleh menoleh ke kiri dan ke kanan. Jika perkara ini dilakukan ianya akan menyebabkan anak yang lahir tersebut akan menjadi juling.

Menurut Kahar, upacara mengantung tembuni adalah upacara terpenting selepas berlakunya kelahiran yang perlu dilakukan dengan penuh tertib. Perkara ini disebabkan kepercayaan bahawa apa jua perbuatan yang dilakukan oleh orang yang mengantung tembuni akan mempengaruhi tingkahlaku anak tersebut. Perbuatan menebas-nebas rumput berhampiran tembuni digantung dan sepanjang perjalanan pulang sebenarnya adalah

bertujuan untuk menjadikan anak yang baharu lahir kelak akan menjadi seorang yang ringan tulang untuk berkebum dan sebagainya. Oleh yang demikian, orang yang diberi tanggung jawab untuk mengantung tembuni kebiasaannya adalah orang yang sangat dipercayai oleh penduduk setempat. Walaupun amalan mengantung tembuni ini tidak diamalkan oleh generasi muda, namun terdapat generasi tua yang masih mengamalkannya.


Petua Dan Upacara Selepas Bersalin

Langkah pertama yang biasanya dilakukan selepas berlaku kelahiran ialah, memacakkan parang tidak berhulu di bawah rumah, iaitu di bawah bilik tidur si ibu (bagi rumah yang bertiang). Parang tersebut hendaklah dipacakkan dengan dipangkah (ditulis "X") dengan kapur makan. Jika rumah berkenaan tidak bertiang maka parang tersebut hendaklah disisipkan di sebelah dinding bilik. Tujuan upacara ini adalah untuk menjaga si ibu dan anak daripada gangguan "Tantadu". Menurut Ag Damit, Tantadu merupakan sejenis hantu yang kerjanya menghisap darah nifas yang menitik ke tanah. Seandainya tantadu ini berjaya menghisap darah yang menitik ke tanah maka akan berlaku pendarahan yang luar biasa dan tidak berhenti terhadap si ibu yang baharu melahirkan anak.

Masyarakat Kedayan percaya, semasa proses melahirkan anak sebanyak 44 "urat putus". Oleh yang demikian untuk memulihkan urat yang putus maka si ibu haruslah menjalankan upacara mandi "sandaan", iaitu mandi dengan air masak yang dicampur dengan 44 jenis daun tumbuh-tumbuhan. Mandi sandaan juga dipercayai boleh mengecutkan rahim si ibu yang baharu melahirkan anak. Bagi upacara mandi hari pertama selepas bersalin, sekiranya tidak memperolehi 44 jenis daun tumbuh-tumbuhan, memadai hanya lima atau enam jenis daun tumbuhan sahaja (Foto 2). Daun-daun yang biasa digunakan untuk mandi kali pertama ialah daun Halinjiwang, daun ingan-ingan, daun sambung, daun limau kapas, daun Kapas, daun Kulimpapa, daun Saimbangun, daun kunyit dan daun sirih bertemu urat. Daun sirih biasa yang tidak bertemu urat tidak boleh digunakan. Upacara mandi sandaan ini hendaklah dimulakan dengan berselawat sebanyak tiga kali. Harus diingat, apabila sampai ke hari yang ke 44, si ibu hendaklah mandi dengan 44 jenis daun bunga. Semua jenis daun bunga boleh digunakan kecuali daun ubi dan daun yang beracun (Jamaliah Bt Matussin, temu bual 2017).

Proses mandi sandaan hendaklah disesuaikan dengan bilangan hari, iaitu tiga hari berturut-turut dan selepas itu pada hari ke-14 dan hari ke-44. Setiap kali selepas mandi pada hari ke 3, ke-14 dan ke-44, hendaklah “bertangas” (diasap) dengan asap kemenyan. Kemenyan yang telah dibakar hendaklah dipusing mengelilingi badan sebanyak 3 kali dari bawah ke atas. Kemudainnya tangas di bahagian muka dan terus turun ke bawah dan masukkan ke dalam kain (di celah kangkang) sehingga asap kemenyan mengenai kemaluan si ibu. Proses akhir bertangas adalah dengan memusingkan asap kemenyan tersebut sebanyak 3 kali di bahagian pergelangan kaki. Tujuan bertangas dengan kemenyan ini adalah untuk memulihkan semangat dan tenaga. Adalah lebih afdal bertangas tanpa memakai sebarang pakaian. Semasa proses bertangas ini, si suami adalah digalakkan untuk membantu (Jamaliah Bt Matussin, temu bual 2017).

Foto 2: Sebahagian Daripada Beberapa Jenis Daun Yang Digunakan Semasa Mandi Sandaan



Sumber : Kajian Lapangan

Sepanjang tempoh berpantang, si ibu juga digalakkan untuk memakai bengkung kain, dimana sebelum bengkung di pasang, perut hendaklah ditampal dengan campuran daun cakur, halia merah yang ditumbuk halus. Semasa tempoh berpantang si ibu akan duduk dan tidur di atas “kalangkapa” (berbentuk seperti katil) yang berlantaikan bambu yang beralaskan

tikar mangkuang. Berhampiran dengan “kalangkapa” ini akan diletakkan “balitang” (berbentuk seperti dapur kayu) yang di atasnya dibuat nyalaan api. Tujuannya adalah untuk menghasilkan haba bagi memanaskan badan si ibu (Judah Bt Abas, temu bual 2017).

Untuk melengkapkan proses badiang, masyarakat Kedayan akan turut menggunakan batu “damah” untuk berdamah. Berdamah merupakan satu cara memansakan badan secara tradisional pada bahagian badan tertentu dengan menggunakan batu yang dipanaskan di dalam api untuk mendapatkan haba. Batu itu kemudiannya dibungkus dengan kain sebelum diletakkan dibahagian bawah perut semasa si ibu berbaring atau tidur. Badamah jua merupakan salah satu cara untuk menjaga perut si ibu daripada “masuk angin”. Batu yang digunakan untuk berdamah ini biasanya adalah dari jenis batu sungai berbentuk sedikit pipih (Bayah Bt Johan, temu bual 2017).

Menimbang Anak Yang Lahir Pada Bulan Safar

Upacara menimbang anak yang lahir pada bulan Safar merupakan amalan lama masyarakat Kedayan yang jarang dilakukan lagi pada ketika ini. Namun dipercayai masih ada di kalangan generasi tua yang masih mengamalkannya demi mengekalkan tradisi warisan nenek moyang mereka. Menurut Ag Damit, masyarakat Kedayan terdahulu percaya bahawa anak yang lahir pada bulan safar hendaklah “ditimbang”. Namun, tidak ada ketentuan yang ditetapkan pada usia bila upacara menimbang harus dilakukan.

Upacara menimbang bayi ini akan menggunakan sebatang kayu seperti alat penimbang lama. Sebatang kayu bulat akan diikat dengan tali ditengah-tengahnya lalu digantung di tempat yang kukuh. Kedua-dua hujung kayu ini akan disangkutkan kain sarung. Seterusnya anak tersebut akan diletakkan di salah satu kain tersebut. Manakala di sebelah kain yang satu lagi dimasukkan dengan barang makanan sehinggalah berat bayi dan makanan tersebut seimbang (Mansur Bin Hj Amat, temu bual 2017).

Menurut Ag Damit, tebu, kelapa, pisang dan beras adalah barang makanan yang wajib ada untuk bahan penimbang walaupun dalam kuantiti yang sedikit untuk setiap satunya. Manakala selebihnya terpulanglah kepada kemampuan seseorang. Selepas upacara menimbang bayi satu upacara doa selamat akan diadakan yang diketuai oleh seseorang yang dianggap mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang agama di kampung berkenaan.

Selepas selesai upacara doa selamat dan kenduri kesyukuran, maka bahan-bahan yang digunakan untuk menimbang bayi tersebut akan diserahkan kepada orang yang dijemput untuk membaca doa tadi. Terpulang kepada si pembaca doa tadi sama ada akan membawa balik kesemuanya atau menyedekahkannya kepada tetamu yang hadir pada ketika itu.

Kesimpulan

Sehingga hari ini norma dan adat kelahiran masyarakat Kedayan masih lagi diamalkan. Namun ia semakin berkurangan kerana generasi muda tidak melihat adat yang diamalkan sebagai penting dan signifikan. Hal ini mungkin mempunyai kaitan dengan arus kemodenan yang melanda negeri ini. Kemudahan hospital dan klinik kesihatan juga telah menyebabkan ibu-ibu yang mengandung mula beralih kepada perubatan moden dan memilih hospital sebagai tempat bersalin. Keadaan ini tentunya telah menghadkan fungsi bidan kampung yang sebelum ini memainkan peranan penting dalam hal berkaitan kelahiran. Bidan kampung tidak lagi menjadi rujukan utama dalam hal ini, dan mereka semakin tersisih dari masa ke semasa. Apabila hal ini berlaku, maka adat kelahiran yang sebelum ini amat dititik beratkan oleh bidan telah mula terhakis. Justeru, makalah ini diharapkan dapat menyumbang dalam mendokumentasikan adat kelahiran yang semakin kurang diamalkan oleh masyarakat Kedayan di Sipitang, Sabah. Mudah-mudahan ia dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang terutamanya bagi masyarakat Kedayan dalam mengenali amalan adat tradisi nenek-moyang mereka.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah yang telah membiayai kajian ini melalui Peruntukan Skim Geran Penyelidikan Insentif PHD (SGPHD) di bawah projek PHD0009-SSI-2016

RUJUKAN

- Bantong Antaran. 1985. "Puak Kedayan Dan Masalah Terminologinya." *Berita Muzium* 7, no. 1: 42-47.
- Denis J. Sading dan Siti Aminah Roslan. 2016. "Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah, Etnik Kedayan". Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Dewan Bahasa Dan Pustaka , Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999.

Kamus Dewan edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Kamus Istilah Fiqih, M.Abdul Mujieb, Mamruri Tholhah dan Syafi'ah Am, Advance Publication, (1997.)

Mohamad Saiful bin Japar. 2009, "Perubahan Dalam Tradisi Kekeluargaan Komuniti Kedayan: Kajian Etnografi Di kampung Sungai Miri, WP Labuan." Universiti Malaysia Sabah, Sabah.

Mohamad Suhaidi Salleh. 1995. "Ritual Makan Taun di Kalangan Komuniti Kedayan: Satu Tinjauan Fungsi dan Kesan." Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

Norazit Selat. 1989. *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

P.M Shariffudin. 1969. "The Kedayans".Brunei Museum Journal. Jilid 1 bil. 1: 15-23

Ros Aiza Mohd Mokhtar, Aiedah Abdul Khalek, Che Zarrina Sa'ari & Abd Hakim Mohad. 2018. Factors Influencing the Intention of Kedayan Muslims to Perform the Traditional Culture Associated with Syncretism. *PERTANIKA Journal of Social Sciences and Humanities*. 26 (2): 705-716.

Ros Aiza Mohd Mokhtar & Abd Hakim Mohad. 2017. Dinamika Hijrah Masyarakat Kedayan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*, Edisi Khas 2017, 44-56.

Ros Aiza Mohd Mokhtar & Che Zarrina Sa'ari. 2016a. Sinkretisme Dalam Adat Tradisi Masyarakat Islam. *Jurnal Usuluddin*, 43, 69-90.

Ros Aiza Mohd Mokhtar & Che Zarrina Sa'ari. 2016b. Perbezaan Latar Belakang Pendidikan Agama Islam dan Kesannya Terhadap Tanggapan serta Keinginan Masyarakat Kedayan, Sabah Mengamalkan Amalan Tradisi. *Online Journal of Islamic Education (O-jIE)* 4:1, 71-81.

Ros Aiza Mohd Mokhtar & Che Zarrina Sa'ari. 2015. Peranan Institusi Masjid di Sipitang dalam Memurnikan Adat Tradisi Masyarakat Kedayan. *Sains Humanika*, 4:1, 75-82.

Sablee Bagol. 1994. "Adat Istiadat dan Kebudayaan Suku Kaum Kedayan: Satu Tinjauan di Daerah Sipitang." Latihan Ilmiah, Jabatan Bahasa, Fakulti Pendidikan, UPM Serdang, Selangor.

Shawal Rajab.1986. "Budaya Tradisi yang hampir Pupus: Satu Analisa Sosial Masyarakat Kedayan Daripada Sudut Kebudayaan dan Ekonomi Pertanian", *Beriga* Bil.11, April-Jun(MS 10-28)

Zuraidah Nayan.1994. "Kehidupan Puak Kedayan." *Beriga*(Julai-September 1994): 71-77.

Informan

Ag Damit Jaafar, Kampung Luagan Sindumin, Sipitang, pada 13/08/2017

Bayah Johan, Kampung Luagan Sindumin Sipitang, pada 13/08/2017

Jamaliah Binti Matussin, bertempat di Kampung Skim, Sipitang, pada 18/10/2017

Judah Binti Abas, Kampung Skim Sindumin, Sipitang, 18/10/2017

Kadir Bin Aisha, Kampung Mesapol Lama Sipitang, 28/7/2017

Kahar Bin Lamat, Kampung Pantai Sindumin, Sipitang , 17/10/2017

Mansur Hj Amat , Kampung Luagan Sindumin, Sipitang , pada 19/10/2017

Muhammad Zamzuri Bin Ramli, Penceramah bebas, 27/10/2017

Paridin Sitim, Kampung Pantai Sindumin, 16/10/2017

Samah Binti Abas, Kampung Luagan Sindumin, 18/10/2017

Taba Binti Omar, Kampung Luagan, Sindumin Sipitang, 18/10/2017